

SEBULAN DI TAIWAN MENJADI SENIMAN DAN KESUSASTERAAN TAIWAN

Saya ditinggalkan untuk menjalani kehidupan sendirian, tetapi dibekalkan dengan elaun yang lebih daripada mencukupi bagi memenuhi keperluan harian. Selama dua minggu saya hidup dengan jadual saya sendiri. Program ini benar-benar memberikan kebebasan untuk saya berkarya mengikut jadual saya sendiri. Malah ia benar-benar memahami keperluan penulis dan seniman, yang tidak mahu dikongkong dan diikat oleh jadual yang dirangka untuk mereka. Penulis atau seniman selalunya dilihat tidak mempunyai rangka kerja yang jelas dan tetap serta disiplin, tetapi sebenarnya setiap seniman mempunyai rangka kerja malah disiplin mereka sendiri di dalam kepala dan diri mereka.

Seniman bukan bekerja seperti pekerja ikhtisas atau industri yang diikat kepada organisasi ataupun syarikat pengeluaran. Seniman bukan sebuah kilang. Kerja-kerja kesenimanan bertolak daripada mood atau naluri, passion atau semangat dan idea atau ilham. Semuanya ini tidak datang secara paksaan, tetapi datang dalam perasaan yang alamiah, terlahir daripada persekitaran yang bebas dan terbuka. Persekitaran di Treasure Hill yang alamiah dan bersahabat dengan kebebasan yang diberikan oleh program ini membuatkan saya merangka jadual penulisan yang tersendiri dalam kepala saya. Saya tidak diberikan sebarang tekanan untuk menyiapkan apa-apa buku atau tugas, sebaliknya hanya diberikan "alam" untuk saya berkarya semahu saya dan dengan cara saya yang tersendiri. Sebagai manusia yang bermaruah dan tahu menghargai kehendak yang orang lain berikan, saya tidak mensia-siakan kebebasan tanpa ikatan dan suruhan ini.

Saya mengambil peluang terbaik ini untuk menumpukan sepenuh masa saya untuk menulis. Saya mula menulis sejak hari ketiga saya tiba, sebuah catatan harian yang bermula pada 2 Oktober 2017, iaitu sejak saya berangkat dari Kuala Lumpur dan menjalani kehidupan harian di Treasure Hill, Taipei ini. Saya namakan sebagai "Jurnal Taiwan", iaitu semacam diari dan juga semacam separa autobiografi yang menuliskan apa-apa yang saya buat, fikir dan rasakan. Saya juga mula menulis sajak bertatarbelakangkan Treasure Hill, yang saya rancangan akan dijadikan sebuah kumpulan puisi yang didedikasikan kepada Treasure Hill Artist Village ini. Saya bercadang menuliskan buku tentang aliran-fikiran atau sains sosial yang bermain di dalam kepala saya hasil pembacaan yang memberikan saya begitu banyak idea, tetapi akhirnya saya urungkan niat ini dan saya tumpukan kepada penulisan kreatif. Saya memilih untuk menumpukan kepada novel yang sudah mencapai tujuh bab. Saya fikir saya perlu menggunakan masa saya untuk menyiapkan

novel ini. Akhir sekali saya bercadang, jika mempunyai masa untuk menuliskan cerpen sekurang-kurangnya 10 buah cerpen untuk saya jadikan kumpulan cerpen bertatarbelakangkan Taiwan. Kedua-dua buku ini, iaitu "Jurnal Taiwan" dan kumpulan puisi Treasure Hill berjaya saya siapkan selama sebulan saya di Taiwan. "Jurnal Taiwan" saya tulis menjadi sebuah buku dengan jumlah sekitar 43,200 patah perkataan, sementara puisi saya hasilkan sebanyak 35 buah puisi cukup untuk menjadi sebuah buku kecil kumpulan puisi yang khusus bertatarbelakangkan Treasure Hill. Malah saya menyiapkan 35 buah puisi lagi bertatarbelakangkan perjalanan saya di seluruh Taiwan.

Saya menyiapkan tiga bab novel saya, yang saya rasakan sebagai kejayaan besar kerana tujuh bab yang saya tulis sebelum ini memakan masa sudah dua tahun. Lebih besar lagi kerana tiga bab yang saya siapkan di Taiwan ini membuka jalan kepada perjalanan cerita menuju kepada penyudahnya. Pernah saya terhenti lama menuliskan novel ini kerana saya kehilangan punca untuk mencari jalan cerita yang menuju kepada penyudah cerita. Maka di sini dengan suasana tanpa gangguan memberikan saya jalan cerita untuk saya siapkan novel saya ini. Hanya saya tidak dapat menuliskan cerpen bertatarbelakangkan Taiwan untuk dibukukan. Tetapi saya fikir saya boleh menuliskan cerpen-cerpen tersebut pada lain waktu setelah saya pulang ke Malaysia kerana idea dan bayangan cerita begitu banyak bermain di dalam kepala saya. Saya sebenarnya mempunyai banyak

"cerita aneh" yang bermain dalam kotak imaginasi saya untuk dilahirkan menjadi cerpen yang boleh sahaja menjadi sebuah kumpulan cerpen dari Taiwan. Oleh itu, selama dua minggu saya di Treasure Hill saya tidak banyak berjalan selain berjalan di sekitar Gongguan mencari barang keperluan dan sedikit jauh berjalan ke Masjid Besar Taipei untuk bersembahyang Jumaat dan juga mendapatkan bekalan daging rendang serta barang makanan halal di restoran Indonesia dan kedai runcit Indonesia berhampiran masjid. Selebihnya saya mengurung diri di studio dan menulis. Menulis sepanjang masa. Keseronokan menulis tanpa gangguan memberikan nikmatnya yang tersendiri. Sehingga saya tidak memikirkan sangat untuk menjelajah kota raya Taipei, walaupun saya boleh pergi dan berkemampuan untuk menjelajahnya dengan elaun yang diberikan. Tetapi kenikmatan menulis melupakan saya kepada hal-hal lain. Malah saya berasa malas untuk keluar dan lebih suka berkurung di studio untuk menulis sahaja.

Taipei yang terletak paling utara di Taiwan sedang mengalami perubahan cuaca dari musim gugur kepada musim sejuk. Perubahan ini ditandai dengan musim hujan yang pada mulanya turun sekejap-sekejap, kemudian mula turun gerimis yang berlanjutan dan akhirnya





turun hujan lebat yang tidak henti-henti. Memasuki dua minggu saya di Treasure Hill hujan lebat turun tidak henti-henti selama tiga hari tiga malam. Saya tidak pernah mengalami hujan selebat-lebatnya yang tidak berhenti selama tiga hari tiga malam. Saya memikirkan Taiwan akan dilanda banjir seperti di Malaysia. Di Kuala Lumpur hujan lebat tiga jam sahaja sudah cukup untuk menaikkan banjir kilat dan menjadi kota lumpuh oleh kenderaan yang tidak dapat bergerak. Malah cuaca di Taiwan lebih melampau dengan hujan lebat tanpa henti dan angin ribut juga. Tetapi banjir tidak bertaku, walaupun Sungai Xinding saya lihat sudah membesar menjadi naga. Taipei tenang sahaja tanpa banjir. Penduduknya tenang sahaja. Kenderaannya terus bergerak lancar tanpa tersekat oleh banjir kilat. Sememangnya Taipei tidak dilanda banjir walaupun hujannya begitu melampau. Hal ini terjadi kerana sistem pengairan dan perparitan di Taipei sangat baik. Saya belajar satu perkara di sini, banjir ialah satu bencana alam tetapi boleh sahaja diminimumkan tahap bahayanya malah "ditiadakan" jika manusia benar-benar berikhtiar dengan baik dan jujur untuk mengatasinya. Ikhtiar ini menemukan disiplin, sistem dan teknologi untuk mengatasi bencana alam. Taipei menemukan disiplin daripada penduduknya, sistem dan teknologi daripada pentadbiran kotanya bagi menjadikan kotanya aman daripada bencana banjir. Ia mungkin masih belum dapat mengatasi taufan yang selalu datang dalam bulan-bulan di penghujung tahun tetapi ia telah berjaya mengurangkan tahap risikonya kepada orang ramai. Maka cuaca hujan mengurung saya di studio tanpa ke mana-mana, menyumbang kepada kenikmatan saya untuk berkarya dan menghayati hidup sebagai seniman yang benar-benar seniman.



Ketika mengurung diri dengan menulis itu saya mencari-cari maklumat tentang sastra di Taiwan atau khususnya kesusasteraan Taiwan. Saya hanya mendengar tentang kehebatan penulis di negara China, dan juga Jepun yang telah menerima Anugerah Nobel Kesusasteraan. Tetapi kesusasteraan Taiwan ternyata gelap bagi saya. Daripada perbualan dengan Mimi ketika mula-mula datang ke Taiwan, dan artis seni moden di Treasure Hill, serta carian saya di Internet saya mula mendapat sedikit gambaran tentang kesusasteraan Taiwan. Taiwan pada hari ini sebenarnya membina identitinya dengan ditandai oleh seni moden termasuklah sastra moden atau pascamoden. Kesusasteraan Taiwan pada peringkat awalnya tidak lari daripada pengaruh sastra klasik China kerana majoriti penduduk Taiwan daripada bangsa Han datang dari Tanah Besar China. Pengaruh sastra klasik China bertembung dengan sastra penduduk peribumi atau penduduk sastra rakyat yang dipenuhi mitos dan legenda. Dalam dekad-dekad akhir abad ke-20, Taiwan mula mencari identitinya yang tersendiri dan tidak mahu berada di dalam bayangan identiti Tanah Besar China. Bermula pada dekad awal abad ke-21, kebanyakan penduduk Taiwan telah memperkenalkan diri mereka sebagai *Taiwanese* dan bukan lagi *Chinese*. Pencarian identiti sendiri ini turut menyelurur ke dalam semua bidang termasuk bidang budaya. Kesusasteraan Taiwan mengalami anjakan paradigma bermula pada dekad 1970-an apabila persoalan tentang Kesusasteraan Tempat (Nativist Literature) Taiwan mula hangat diperkatakan. Ia menimbulkan polemik dan debat yang akhirnya menumbuhkan gerakan kesusasteraan Taiwan yang identik. Kesusasteraan Taiwan menggunakan bahasa Mandarin yakni bahasa kebangsaan Taiwan, tetapi memisahkan dirinya daripada kesusasteraan Mandarin China.

Suasana politik yang terbuka pada dekad 1990-an menyaksikan lahir karya-

karya yang bercerita tentang latar atau dunia kehidupan di Taiwan dengan trilogi novel hasil tangan Li Qiao tentang saga keluarga Hakka pada zaman pemerintahan Jepun di Taiwan. Bentuk trilogi juga lahir hasil tangan dua penulis lagi, iaitu Bai Dongfan dan Shi Shuqing. Namun kedua-dua penulis ini masih terikat dengan latar diaspora Han yang tidak berpusat kepada latar di Taiwan. Tema tentang pascakolonialisme dan feminisme mendasari novel-novel ini. Penyokong gerakan sastra tempatan pada dekad 1980-an ini turut disertai oleh karya dari Chen Yinzen dan Li Ang seorang penulis daripada kalangan penduduk asli. Cerpen Li Ang banyak mengangkat pertembungan nilai tradisi dan moden, sementara cerpen Chen Yinzen mengangkat tema pascakolonial yang melihat pertembungan nilai penjajahan budaya Barat. Chen Yinzen yang kuat memperjuangkan gerakan sastra tempatan yang identik diikuti oleh Shi Shuqing, Li Ang dan Li Yaode yang menolak pengaruh budaya-sastra China sekali gus memperjuangkan kedaulatan politik Taiwan dari kuasa China. Mereka turut diikuti oleh penulis Taiwan yang lain seperti Zhang Dachun, Zhu Tianwen, Zhu Tianxin yang melahirkan karya seterusnya dalam dekad 1990-an. Tema kritikan politik pada waktu ini turut berbau dengan historisisme, pascakolonialisme, feminisme dan mula muncul pada waktu itu ialah unsur-unsur *gay literature* atau pengangkatan sastra homoseksualiti. Gerakan sastra tempatan sebenarnya juga ialah gerakan sosiopolitik yang ingin menumbuhkan identiti Taiwan bebas daripada pengaruh China dalam semua segi, sekali gus juga gerakan membebaskan Taiwan daripada cengkaman kuasa rejim politik dan menggantikan dengan kuasa demokrasi liberal.

Seiring dengan novel dan cerpen, puisi juga bangkit dengan semangat yang sama dari tangan Liu Xieyang yang cuba memperlihatkan sifat kepelbagaian budaya Taiwan melalui bauran bahasanya yang mencari identiti baru Taiwan. Chen

Li menghasilkan sajak dengan diksi yang memperlihatkan identiti bahasa Taiwan. Yang Mu penyair yang menulis sejak tahun 1950-an muncul dalam gerakan baharu ini dengan sajak-sajak bernada politik. Yang Mu juga memperkenalkan aliran neoklasik dalam sajaknya. Penyair wanita Xia Yu pula banyak bermain dengan wit dan menghubungkan sajaknya dengan budaya popular. Tiga dekad akhir abad ke-20 ini menyaksikan perkembangan sastra Taiwan yang begitu pesat, sehingga memunculkan kesusasteraan tempatan yang mencitrakan identiti Taiwan dan *Taiwanese*. Sebenarnya perkembangan sastra di Taiwan telah melahirkan begitu banyak penulis antaranya Bo Yang yang terkenal dengan bukunya *The Ugly Chinamen*, Huang Chungming seorang maestro sastra Taiwan, Lun Yin Tai yang merupakan Menteri Kebudayaan Taiwan yang pertama, Chou Men-tieh juga maestro sastra Taiwan dari Tamsui, Li Kuei-Hsien penyair yang menjadi pengasas Taiwan P.E.N. dan generasi muda penulis Taiwan diwakili oleh Wu Min-yi seorang cerpenis abad ke-21, selain begitu ramai generasi penulis muda hari ini. Shane O' Reilly dalam laman sosialnya menamakan 10 karya besar Taiwan, yang mewakili dua gelombang gerakan, iaitu Gerakan Sastra Baru Taiwan (*Taiwan New Literature Movement*) dari tahun 1920-an hingga 1970-an termasuk Gerakan Sastra Tempatan tahun 1930-an sewaktu pemerintahan Jepun, dan kedua Gerakan Sastra *Taiwanese* (*Taiwanese Literature Movement*) bermula pada tahun 1970-an dan memunculkan identiti kesusasteraan moden Taiwan hari ini.

Karya-karya besar ini ialah *Taipei* oleh Tao Lin terbit pada tahun 2013 dan disebut sebagai suara generasinya. *Taipei People* oleh Hsien-Yung Pai ditulis pada tahun 1960 tetapi hanya terbit pada tahun 1971 yang mengangkat kisah penghijrahan kaum nasionalis ke Taiwan setelah tewas dengan komunis di China, membawa kesedihan, kehilangan dan keterasingan. Cerita-cerita pendek tentang konflik Revolusi Budaya dalam *The Execution of Mayor Yin and Others Stories from Great Proletarian*

Cultural oleh Chen Ruoxi, diterbitkan di Taiwan pada tahun 1978 setelah dua tahun kematiannya penulisnya. *The Old Capital* sebuah novela dan empat cerita pendek oleh Chu Tien-Hsin terbit sekitar tahun 1990-an mengisahkan sejarah kota Taipei dan penduduknya. *Notes of a Desolate Man* ditulis oleh Tien-Wen Chu, iaitu adik perempuan Chu Tien-Hsin tentang lelaki homoseksual yanghidap AIDS di Taiwan turut memasukikkan metafora hubungan politik yang tidak mesra antara Taiwan dengan China. Kumpulan puisi *No Trace of the Gardener* oleh Yang Mu yang dianggap maestro puisi Taiwan dan dikenali oleh dunia mengangkat isu politik dan keberibadian budaya Taiwan. *Masked Dolls* oleh penulis wanita Chiung-Yu Shih membawa aliran feminisme yang kental berkisar tentang sejarah, kenangan dan kekejaman. *City of the Queen* oleh seorang lagi penulis wanita Shih Shu-Ching menghasilkan sebuah fiksiyen epik sejarah tentang seorang wanita bernama Huang dan keluarganya. Seorang lagi penulis wanita Hsiao Li-hung menghasilkan *A Thousand Moons on a Thousand Rivers* tentang perjalanan hidup seorang gadis di kampung kecil ke dunia moden yang besar, sekali gus memperlihatkan pertembungan tradisi yang unik dengan modenisasi yang pesat. Tidak ketinggalan *The Taste of Apples* oleh maestro sastra Taiwan Huang Chun-ming yang merupakan kumpulan cerpen berkaitan kehidupan desa dan kota di Taiwan, digarap dalam komedi dan juga tragedi.

Taiwan juga mempunyai beberapa anugerah kesusasteraan seperti Taiwan Literature Award yang dianjurkan oleh Muzium Nasional Sastra Taiwan, Wu San-Lien Literary Award, Aboriginal Literature Award dan Min-Hakkan Literary Award kedua-duanya anjuran Kementerian Pendidikan Taiwan. Namun pada masa yang sama penulis-penulis Taiwan juga bersaing di peringkat antarabangsa baik dalam dunia sastra berbahasa Mandarin mahupun dunia sastra berbahasa Inggeris.

BERSAMBUNG ...